

Analisa Tematik Berkenaan Dengan Profesion Kaum Hawa Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*

[Thematic Analysis Regarding The Professions Of Women’s
In *Al-Kutub Al-Sittah*]

Khairulnazrin Nasir ^{1*}, Muhammad Adam Abd. Azid ², Rahim Kamarul Zaman ³

¹Akademi Pengajian Islam, Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC)

²Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

³Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

*Corresponding author email: khairulnazrin19@gmail.com

Abstrak

Peranan kaum hawa sememangnya signifikan kepada kelestarian pembangunan negara. Namun, masih wujud sikap pesimis dan skeptikal sesetengah pihak terhadap kemampuan kaum hawa untuk terlibat dalam sektor-sektor penting di negara ini. Mereka berpendapat bahawa kaum hawa hanya sesuai berperanan untuk menguruskan rumah tangga dan mendidik anak-anak sahaja. Bahkan, kaum hawa yang hanya tinggal di rumah dianggap lebih Islamik berbanding mereka yang berkerjaya. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti kepelbagaian profesion kaum hawa pada era Rasulullah SAW melalui analisa tematik. Metode yang diaplikasikan adalah berdasarkan kajian kepustakaan dengan mengimplementasikan kajian hadis yang berkaitan. Pemilihan dan analisis hadis hanya dipilih daripada *al-Kutub al-Sittah* iaitu *Sahīḥ al-Bukhārī*, *Ṣāḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasa’ī* dan *Sunan Ibn Mājah*. Hasil kajian mendapati, terdapat pelbagai profesion yang pernah diceburi para sahabat Rasulullah SAW dalam kalangan kaum hawa. Antaranya, pendidikan, asas tani, kesihatan dan keselamatan awam. Hakikat ini dapat ditinjau daripada 22 teks hadis yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*. Kajian ini menyimpulkan bahawa sifat feminin dan lemah lembut pada kaum hawa bukan halangan untuk turut berkerjaya, selagi mana syariat Islam tidak dikebelakangkan.

Kata Kunci: Hadis, Profesion, Kaum Hawa, Feminist

Manuscript Received Date: 04/09/23

Manuscript Acceptance Date: 05/11/23

Manuscript Published Date: 29/11/23

©The Author(s) (2023). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact usimpress@usim.edu.my

doi: <https://doi.org/10.33102/uij.vol35no03.313>

Abstract

Women's role indeed significant to the sustainability of the country. However, there are still pessimistic and sceptical attitude from some parties about women's ability to engage with important sectors in the country. They think that women are only suitable for managing the household and educating the children. In fact, women who stay at home are consider more Islamic than those who have a career. Therefore, this study was conducted to identify the diversity of women's professions in the era of the Prophet SAW through a thematic analysis. Method applied is based on library research by implementing relevant hadis studies. Selection and analysis of hadis is only selected from *al-Kutub al-Sittah* that is iaitu *Sahīḥ al-Bukhārī*, *Ṣāḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwud*, *Jāmi' al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasa'ī* and *Sunan Ibn Mājah*. Study found that, there are various career sectors have been ventured into by prophet's companion among women. For example education, agro-based, health and public safety. This fact can be observed through 22 hadis texts found in *al-Kutub al-Sittah*. This study concludes that femininity and gentleness of women are not an **obstacle** to having a career as long as it does not contradict with the limitations of Syarak.

Keywords: *Hadis, Profession, Women, Feminist* Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Manusia dicipta oleh Allah SWT sebagai khalifah yang berperanan memakmurkan bumi ini. Tuntutan meneruskan kemandirian hidup mendorong manusia keluar bekerja untuk mendapatkan makanan, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna. Keperluan ini bukan hanya tertumpu kepada suatu golongan atau gender semata-mata, bahkan ia melibatkan kaum lelaki dan juga kaum hawa di pelbagai peringkat umur dan bangsa. Di samping kaum lelaki, kaum hawa sejak dari zaman silam telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan sosial dan ekonomi sejagat, bahkan pencapaian mereka kadangkala setanding dengan kaum lelaki. Natijah ini adalah hasil daripada suatu gaya pemikiran untuk mengoptimalkan *efikasi* sendiri dalam diri seseorang kaum hawa.

Kerjaya adalah suatu perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan. Ia adalah profesional atau pekerjaan yang dipilih sebagai sumber rezeki dan menyalurkan khidmat. Di Barat, golongan kaum hawa melibatkan diri dalam sektor pekerjaan secara pesat setelah teretusnya Revolusi Perancis pada tahun 1789, seiring kemunculan aliran Kapitalis dan Revolusi Perindustrian, tahun 1760-1840 (Horrell, S., & Humphries, J., 1995). Desakan hidup dan kemiskinan mendorong kaum hawa dan kanak-kanak (Beckert, Sven, 2014 dan Horrell, S., & Humphries, J., 1995) di samping lelaki dewasa berhijrah ke bandar untuk bekerja di kilang-kilang perindustrian. Bagi pekerja-pekerja kelas buruh, kehidupan perindustrian adalah "padang pasir" yang tandus, dan mereka harus dihuni oleh usaha mereka sendiri (Hobsbawm, Eric J., 1969: 65). Ketidakstabilan sosial di bandar-bandar (R.M. Hartwell, 1971) menyebabkan golongan kaum hawa telah dieksploitasi, ditindas, dijadikan hamba seks dan sebagainya (Browne, S., 2016). Impaknya, institusi kekeluargaan telah runtuh dan berlakunya gejala sosial yang kritikal (Nicholas, S., & Oxley, D.m 1993: 723). Justeru, fenomena ini turut memberi kesan kepada persepsi segelintir sarjana Islam tentang isu penglibatan kaum Hawa dalam dunia pekerjaan (Ibrāhīm Jār Allāh, 1990: 89, al-Za'balāwī, 1984: 165 dan al-Barr.1984, 222-223).

Isu kaum hawa bekerja bukanlah merupakan suatu perkara **baharu** dalam dunia hari ini. Sejak manusia dicipta oleh Allah dan mula berkembang biak, kaum hawa sudah pun bekerja di rumah dan di luar rumah. Hanya pada waktu ini istilah pekerja dirujuk kepada mereka yang makan gaji dan memperoleh pendapatan (Ali, F., 1996: 157). Pada dasarnya, Islam memberikan ruang kepada para kaum hawa untuk melibatkan diri dalam usaha membangunkan masyarakat dan negara. Walaupun begitu, **para** ulama berbeza pendapat dalam menentukan hukum kaum hawa menceburkan diri dalam dunia pekerjaan, khususnya di luar rumah. Segolongan sarjana mengharamkan penglibatan kaum hawa dalam apa-apa sektor pekerjaan, seterusnya mengundang sinis bahawa kaum hawa yang berada di rumah itu lebih Islamik berbanding kaum hawa yang keluar bekerja (Nilakusmawati, & Susilawati, 2012).

Penulis lebih cenderung untuk bersama sarjana yang mengharuskan kaum hawa bekerja, walaupun di luar rumahnya, tetapi masih tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat. Syarat-syarat utama yang harus dipenuhi oleh kaum hawa yang bekerja di luar rumahnya; ialah menutup aurat (al-Aḥzāb, 33: 59), terpelihara daripada fitnah, mendapat mendapatkan keizinan daripada wali atau suami (al-Nisā', 4: 34 dan al-Tahrīm, 66: 6), jenis

pekerjaannya tidak mengatasi kaum lelaki, waktunya tidak dihabiskan untuk bekerja dan pekerjaannya tidak bercanggah dengan tabiat semula jadi. Lebih-lebih lagi, kaum hawa bekerja demi membantu *survival* ekonomi keluarganya. Semua syarat-syarat itu telah diaplikasikan oleh dua orang gadis daripada penduduk Madyan yang keluar bekerja demi menyara ahli keluarga. Kedua-duanya telah menjaga batasan pergaulan dan tidak terlibat dengan percampuran bebas. Firman Allah SWT:

وَلَمَّا وَرَدَ مَاءَ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِّنَ النَّاسِ يَسْكُونَ وَوَجَدَ مِنْ دُونِهِمْ امْرَأَتَيْنِ تَذُودَانِ قَالَ مَا خَطْبُكُمَا قَالَتَا لَا نَسْقِي حَتَّى يُصَدِرَ الرِّعَاءُ وَأُبُونَا شَيْخٌ كَبِيرٌ فَسَقَى لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّى إِلَى الظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ

“Dan ketika dia sampai di telaga air negeri Madyan, dia dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing) dan dia juga dapati di sebelah mereka dua perempuan yang sedang menahan kambing-kambingnya. dia bertanya: Apa hal kamu berdua? Mereka menjawab: Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga para penggembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya. Maka Musa pun memberi minum kepada binatang-binatang ternak mereka, kemudian dia pergi ke tempat teduh lalu berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan.” (al-Qasās, 28: 23-24).

Alasan terkuat yang membenarkan kaum hawa terlibat dalam sektor pekerjaan adalah tindakan para kaum hawa yang melakukan pekerjaan pada zaman Nabi Muhammad SAW. Sumbangan generasi kaum hawa pada zaman itu bukan hanya tertumpu dalam soal pengurusan rumah tangga, malah meliputi bidang dakwah (Kamarudin, K., 2011), keilmuan, jihad dan peperangan, pertukangan tangan serta urusan kemasyarakatan. Riwayat dan kisah mereka telah dicatatkan dalam hadis-hadis, khususnya yang terkandung dalam *al-Kutub al-Sittah*. Oleh yang demikian, objektif utama makalah ini untuk mendedahkan ikon-ikon kaum hawa pada zaman awal Islam yang berkerjaya, berdasarkan kajian hadis secara tematik.

2.0 Metodologi

Makalah ini berusaha untuk menyenaraikan dan mengkategorikan hadis-hadis yang menyebutkan tentang penglibatan tokoh-tokoh kaum hawa pada zaman Nabi Muhammad SAW, merujuk kepada pendekatan *mawḍū‘i* (tematik). Pemilihan hadis sebagai pendalilan hanya daripada hadis-hadis yang diriwayatkan dalam *al-Kutub al-Sittah* sahaja, iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasa’ī*, dan *Sunan Ibn Mājah*.

Menerusi metodologi kuantitatif, makalah ini berusaha untuk mendedahkan jumlah sebenar hadis-hadis dalam *al-Kutub al-Sittah* yang berhubung rapat dengan ikon-ikon kaum hawa dalam Sirah Nabawi dan jenis penglibatan mereka dalam berkerjaya, di samping melihat taburannya mengikut nama kitab dan jumlah pengulangan bagi hadis-hadis berkenaan. Kepentingan analisis hadis berasaskan *al-Kutub al-Sittah* dapat dilihat dari aspek kedudukan dan keistimewaan koleksi enam buah kitab hadis berkenaan. Proses penelitian sumber dan taburan hadis disebut sebagai *takhrīj*. Hasil analisis ini akan memperlihatkan kuantiti hadis dan taburannya yang boleh dijadikan asas kepada asas dalam perbincangan ini. Perletakan hadis yang mempunyai hubungan kait dengan isu kerjaya wanita dalam judul (*kitāb*), tajuk hadis (*bāb* atau *tarjamah*) dan pengulangan hadis pada bahagian lain mendatangkan faedah dari aspek *fiqh al-ḥadīth* dan sudut pandang para penulis *al-Kutub al-Sittah* terhadap hadis berkenaan.

3.0 Dapatan Kajian & Perbincangan

Profesion Kaum Hawa Pada Era Rasulullah SAW

Tidak seperti pada zaman jahiliah, Islam meletakkan kaum hawa pada kedudukan yang terhormat dan melindungi mereka daripada penindasan serta penganiayaan. Kedudukan itu mendorong mereka untuk berperanan, sesuai dengan struktur fizikal, emosi dan naluri kewanitaan. Tugas hakiki bagi seorang kaum hawa menurut Islam adalah di rumah. Posisi ini banyak membantu kaum lelaki yang berfungsi sebagai ketua keluarga, dan individu yang dipertanggungjawabkan untuk mencari rezeki, memberi nafkah dan menyara keluarga.

Namun, tiada halangan bagi kaum hawa untuk keluar rumah dan menjalani aktiviti *outdoor* atau berkerjaya selagi ia memberi faedah kepada diri, keluarga dan masyarakat. Tokoh-tokoh kaum hawa pada zaman Nubuwwah telah mempamerkan suatu nilai positif dalam pelbagai sektor kehidupan. Hakikat ini dapat ditinjau pada sektor-sektor berikut:

Pengurusan Rumah Tangga

Kerjaya paling asas bagi seseorang kaum hawa adalah tertumpu kepada pengurusan rumah tangga (Haji Hassan, A., 1996, 108). Ulama fiqh berpendapat bahawa bukanlah menjadi suatu kewajipan ke atas seorang kaum hawa untuk menjalankan tugas-tugas rumah tangga. Sebaliknya, ia hanya sunat dan suatu galakan, diganjar oleh Allah SWT, suatu sedekah dan pengampunan dosa baginya (Siti Nur Husna Abd Rahman, M. I. 2017). Fāṭimah RA, puteri Rasulullah SAW telah menunjukkan suri teladan yang baik, dan ikon kaum hawa yang banyak berkhidmat untuk urusan rumah tangga, seperti yang diriwayatkan oleh ‘Alī bin Abī Ṭālib RA:

كَانَتْ ابْنَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَتْ مِنْ أَكْرَمِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ وَكَانَتْ زَوْجَتِي فَجَرَّتْ بِالرَّحَى حَتَّى أَثَرَ الرَّحَى بِيَدِهَا
وَاسْتَفَّتْ بِالْقَرْبَةِ حَتَّى أَثَرَتِ الْقَرْبَةَ بِنَحْرِهَا وَقَمَّتِ الْبَيْتَ حَتَّى اغْبَرَّتْ ثِيَابَهَا وَأَوْقَدَتْ تَحْتَ الْقُدْرِ حَتَّى دَنَسَتْ ثِيَابَهَا فَأَصَابَهَا مِنْ
ذَلِكَ ضَرْبٌ

“Dia (Fatimah) adalah puteri Rasulullah SAW, dia adalah ahli keluarga yang paling mulia di sisi baginda, dia adalah isteriku, dia menggerakkan batu pengisar, sehingga meninggalkan bekas pada tangannya, dia menyiram dengan baldi, sehingga meninggalkan bekas pada lehernya, dia membersihkan rumah, hingga bajunya berdebu, dia menghidupkan api di bawah periuk, sehingga mengotorkan bajunya, dan dia benar-benar lelah dengannya (kerja-kerja tersebut)” (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 3113 ; Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadis: 7015; Sunan Abū Dāwud, no. hadis: 2988; Sunan al-Tirmidhī, no. hadis: 3408)

Selain itu, puteri Abū Bakr al-Ṣiddīq RA, Asmā’ binti Abī Bakr RA juga menggalas tugas pengurusan rumah tangga suaminya, al-Zubayr bin al-‘Awwām RA. Beliau meriwayatkan kisah rumah tangganya:

فَكُنْتُ أَعْلِفُ فَرَسَهُ وَأَكْفِيهِ مَثُونَتَهُ وَأَسُوسُهُ وَأُدُقُّ النَّوَى لِنَاضِجِهِ وَأَعْلِفُهُ وَأَسْتَفِي الْمَاءَ وَأَخْرُزُ غَرْبَهُ وَأَعْجِنُ وَلَمْ أَكُنْ أَحْسِبُ أَخْبِرُ
وَكَانَ يَخْبِرُ لِي جَارَاتٍ مِنَ الْأَنْصَارِ وَكُنَّ نِسْوَةَ صِدْقٍ.

“Saya melepaskan kudanya (untuk meragut), menyediakan makanan kepadanya, menjaganya, mengisar biji-biji kurma untuk untanya, dan melepaskannya untuk meragu. Saya juga mendapatkan bekalan air, menampal baldi-baldi, dan menguli tepung, saya tidak mahir untuk membakar roti itu. Dan ia dibakar oleh jiran-jiran kaum hawa daripada orang Ansar, dan mereka adalah kaum hawa-kaum hawa yang ikhlas” (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 5224 ; Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadis: 2182)

Daripada contoh di atas, konsep pengurusan rumah tangga bukan hanya berada dalam ruang lingkup kediaman semata-mata, malah melibatkan pekerjaan luar kediaman. Dua tokoh kaum hawa tersebut telah menguruskan binatang ternakan, menyiram tanaman, memasak, menyusun atur kediaman dan sebagainya. Dalam pada itu, pengurusan rumah tangga bukan hanya terhad seperti yang dinyatakan dalam dua hadis di atas, bahkan merangkumi tugas penyusunan dan menguruskan anak, menyediakan makanan kepada suami dan anak-anak. Justeru, kaum hawa pada zaman Nubuwwah sangat berperanan dan memberi impak dalam pembangunan sosial, walaupun sebagai suri rumah. Ia adalah suatu interpretasi kepada hadis yang menyatakan:

وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتِ زَوْجِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ،

“Dan kaum hawa adalah pengurus terhadap isi ahli keluarga suaminya dan anak-anaknya, dan dia dipertanggungjawabkan terhadap mereka”. (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 7138 ; Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadis: 4751; Sunan Abū Dāwud, no. hadis: 2928; Sunan al-Tirmidhī, no. hadis: 1755)

Walaupun Islam lebih menggesa kaum hawa untuk menyalurkan khidmatnya di rumah, namun Islam tidak pernah menghalang untuk mereka bekerja di luar rumah. Berdasarkan penelitian terhadap perjalanan sirah

zaman Nubuwwah, golongan telah **turut** keluar dari rumah untuk bekerja, sama ada mencari nafkah secara langsung atau tidak langsung.

Sektor Pendidikan

Pendidikan bukan suatu platform yang bersifat eksklusif, malah ia lapangan yang menyatukan gender, lelaki dan kaum hawa, di pelbagai peringkat usia, bangsa dan keturunan. Para kaum hawa telah menunjukkan peranan signifikan dalam aspek pendidikan sejak generasi awal Islam, sehingga memberi impak yang sangat positif dalam perkembangan masyarakat sejagat (Haji Hassan, A., 1996, 109). Nabi Muhammad SAW telah menyediakan suatu kondisi dan akses pendidikan yang sangat baik kepada golongan kaum hawa, sehingga lahir golongan cerdik pandai daripada kalangan mereka. Lebih-lebih lagi, Ibn Sa'd dalam *al-Ṭabaqāt al-Kubrā* (1968) menyenaraikan lebih 700 orang kaum hawa yang meriwayatkan hadis daripada Nabi Muhammad SAW atau daripada sebahagian sahabat baginda. Manakala Ibn Hajar (1415 H) pula memperkenalkan biodata lebih 1543 orang kaum hawa yang terlibat dalam periwayatan hadis.

Antara ilmuwan kaum hawa paling menonjol dalam penguasaan ilmu pengetahuan dan dunia pendidikan, sama ada pembelajaran dan pengajaran pada zaman Nubuwwah adalah Umm al-Mu'minīn 'Āishah RA. Al-Dhahabī (1985, 2: 140), pengarang *Siyar A'lām al-Nubalā'* yang memuatkan ribuan biodata tokoh Islam, mengatakan bahawa beliau tidak mengenali kaum hawa lain yang lebih alim daripada 'Āishah RA. Jumlah hadis yang diriwayatkan oleh 'Āishah RA ialah 2210 hadis (Ibn al-Jawzi, 1999). Menurut Ibn Hāzīm, 'Āishah tersenarai dalam kalangan lapan sahabat yang banyak mengeluarkan fatwa. Abū Mūsā al-Ash'arī RA berkata:

مَا أَشْكَلَ عَلَيْنَا أَصْحَابَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدِيثَ قَطُّ فَسَأَلْنَا عَائِشَةَ إِلَّا وَجَدْنَا عِنْدَهَا مِنْهُ عِلْمًا

“Tidak pernah kami iaitu para sahabat Rasulullah SAW tentang suatu hadis, lalu kami bertanya 'Āishah melainkan kami mendapati padanya pengetahuan tentang hal itu”. (Sunan al-Tirmidhī, no. hadis: 3883).

Selain 'Āishah RA, terdapat beberapa kaum hawa lain yang turut berperanan sebagai guru. Antaranya ialah al-Shifā', iaitu Laylā binti 'Abdillāh, seorang kaum hawa yang bijak dan terpuji, serta memiliki kepakaran menulis dan membaca. Menurut Ibn Hajar (1415 H, 8: 202), Nabi Muhammad SAW telah mengkhususkan untuknya sebuah rumah, untuk dijadikan sebagai pusat pendidikan. Pada zaman 'Umar bin al-Khaṭṭāb, beliau ditugaskan untuk mengendalikan beberapa pengurusan di pasar (Salim, 1990, 126). Antara pelajarnya ialah Ḥafṣah RA, seperti yang dinyatakan dalam riwayat:

دَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا عِنْدَ حَفْصَةَ. فَقَالَ لِي: أَلَا تُعَلِّمِينَ هَذِهِ زُفْيَةَ النَّمْلَةَ كَمَا عَلَّمْتِيهَا الْكِتَابَةَ.

“Rasulullah SAW telah masuk, dan saya sedang bersama Ḥafṣah. Baginda berkata kepada saya, “Bolehkah kamu mengajarkan kepadanya ruqyah (jampi) bagi penyakit eczema, sebagaimana kamu mengajarkannya menulis”. (Sunan Abū Dāwūd, no. hadis: 3887)

Dalam pada itu, Umm Waraqah binti 'Abdillāh RA turut memainkan peranan sebagai guru kepada kaum hawa di Madinah. Nabi Muhammad SAW memberi keizinan kepada Umm Waraqah RA untuk menjadi imam dalam musala di rumahnya. Justeru, tempat itu menjadi pusat bagi kaum hawa untuk beribadat, membaca al-Quran dan belajar ilmu agama. Hal ini dapat ditinjau dalam riwayat berikut:

وكانت قد قرأت القرآن فاستأذنت النبي صلى الله عليه وسلم أن تتخذ في دارها مؤذناً فأذن لها.

“Dan beliau (Umm Waraqah) mahir membaca al-Quran. Maka beliau meminta izin daripada Nabi SAW untuk melantik seorang muazin di rumahnya”. (Sunan Abū Dāwūd, no. hadis: 591).

Metode pendidikan dan pengajaran secara tidak langsung adalah dengan cara menegur dan memberi komentar terhadap tindakan atau pendapat yang dikeluarkan oleh para sahabat. 'Āishah RA telah memberikan teguran dan komentar terhadap riwayat hadis, metode *istinbāt*, tafsiran al-Quran dan hukum fiqh yang dikemukakan oleh para sahabat. Beliau telah memberi pandangan berbeza terhadap beberapa pendapat Abū Bakr al-Ṣiddīq RA, 'Umar bin al-Khaṭṭāb RA, 'Alī bin Abī Ṭālib RA, Abdullāh bin 'Abbās RA, Abdullāh bin Umar RA, 'Abdullāh

bin ‘Amr bin al-‘Āṣ RA, Abū Hurayrah RA, Abū Sa’īd al-Khudrī RA, Ibn Mas’ūd RA dan lain-lain. (al-Zarkashī, 1970) Ulasan akademik itu telah dikumpulkan oleh para ulama seperti Abū Manṣūr al-Baghdādī dan Badr al-Dīn al-Zarkashī.

Selain itu, Ḥafṣah binti ‘Umar RA turut menegur perbuatan Ibn ‘Umar RA yang menimbulkan kemarahan Ibn al-Ṣā’id dan teguran Fāṭimah binti Qays RA tentang status kaum hawa yang diceraikan dengan talak tiga kepada beberapa sahabat. Selain itu, Asmā’ binti Abī Bakr RA juga telah menyelesaikan pertikaian antara Ibn ‘Abbās RA dan Ibn al-Zubayr RA tentang praktis haji secara *tamattu’* bahawa Nabi SAW telah mengharuskannya. Oleh yang demikian, kaum hawa pada zaman Nubuwwah telah melakukan kerjaya sebagai guru dan pendidik kepada masyarakat di sekeliling mereka.

Sektor Asas Tani dan Penternakan

Penglibatan kaum hawa dalam aktiviti pertanian dan perladangan juga telah wujud pada zaman Nubuwwah. Hal ini sangat jelas menunjukkan golongan tersebut tidak pasif, bahkan turut serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara berterusan, seterusnya menjadi petanda mereka mempunyai mobiliti sosial yang sangat baik. Hakikat ini dapat ditinjau daripada hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdillāh RA:

طَلَّقْتُ خَالَتِي فَأَرَادَتْ أَنْ تَخْدَ خَلًّا لَهَا فَقَالَ لَهَا رَجُلٌ: لَيْسَ لَكَ أَنْ تَخْرُجِي قَالَتْ: فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ: اخْرُجِي فَبُجِدِّي نَخْلَكَ فَلَعَلَّكَ أَنْ تَصَدَّقِي أَوْ تَصْنَعِي مَعْرُوفًا.

“Ibu saudara saya telah diceraikan. Maka, dia ingin keluar untuk menuai pohon kurma miliknya. Maka seorang lelaki berkata kepadanya, “Tidak boleh bagi kamu untuk keluar.” Dia berkata, “Maka saya berjumpa dengan Nabi SAW dan saya menceritakan hal itu kepada baginda.” Lalu baginda bersabda: “Keluarlah (dari rumah). Dan **tuailah** pohon kurma milikmu. Barangkali kamu boleh bersedekah atau melakukan kebajikan.” (*Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadis: 1438; *Sunan Abū Dāwūd*, no. hadis: 2297; *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadis: 3550; *Sunan Ibn Mājah*, no. hadis: 2034).

Dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, diletakkan tajuk bagi hadis ini ialah: “Keharusan bagi wanita yang diceraikan dengan talak *bāin* (tiga) atau kematian suami, untuk keluar pada waktu siang kerana sebarang keperluan” Justeru, hadis ini menjadi hujah bagi para kaum hawa untuk terlibat dalam sektor pertanian, sama ada aktiviti penanaman, penjagaan, pendebungaan dan penuaian. Selain pertanian, kaum hawa pada zaman Nubuwwah juga turut menceburi bidang penternakan. Pada kebiasaannya, hamba sahaya daripada kalangan gadis yang menguruskan binatang ternakan bagi pihak majikannya. Malah, dalam beberapa peristiwa, golongan ini menyembelih binatang ternakan untuk dijadikan hidangan makanan. Ka’ab bin Mālik meriwayatkan:

أَنَّ امْرَأَةً ذَبَحَتْ شَاةً بِحَجَرٍ فَسُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ فَأَمَرَ بِأَكْلِهَا

“*Sesungguhnya seorang wanita telah menyembelih seekor kambing dengan menggunakan batu. Maka Nabi SAW ditanya tentang hal itu. Lalu baginda mengizinkannya untuk dimakan*”. (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 5504; *Sunan Ibn Mājah*, no. hadis: 2594).

Dalam peristiwa berlainan Nabi Muhammad SAW turut makan hidangan kambing yang disembelih oleh seorang wanita. Jābir bin ‘Abdillāh RA meriwayatkan:

أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ امْرَأَةٌ مِنَ الْأَنْصَارِ فَرَشَّتْ لَهُ صَوْرًا لَهَا وَذَبَحَتْ لَهُ شَاةً، فَأَكَلَ مِنْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Nabi SAW menziarahi seorang kaum hawa Ansar. Dia menghamparkan tikar daripada daun kurma, dan dia menyembelih seekor kambing, Maka Rasulullah SAW menikmatinya”. (*Sunan Abū Dāwūd*, no. hadis: 2891)

Menurut Ibn Ḥajar (1379 H, 15: 446), hadis menunjukkan keharusan makan daripada hasil sembelihan golongan wanita, sama ada dia berstatus merdeka atau hamba, dewasa atau kanak-kanak, seorang Muslim atau Ahli Kitab, dalam keadaan suci atau berhadas. Ini kerana Nabi SAW membenarkan kambing itu dimakan tanpa mempersoalkan keadaannya. Oleh yang demikian, kaum hawa pada zaman tersebut telah memiliki kerjaya sebagai petani dan penternak binatang.

Sektor Pemprosesan dan Pertukangan

Setiap insan dianugerahkan kudrat dan bakat yang berbeza, sebahagiannya berkaitan dengan kemahiran pada tangan dan jari-jemari. Sastera Arab turut menyebut, terdapat golongan-golongan kaum hawa yang bekerja membusar kapas dan menenun; kerana kerja-kerja itu boleh mendatangkan sumber kekayaan kepada keluarga. (Shalabī, 109). Sementara Sirah Nabawi juga mencatatkan potensi kaum hawa pada zaman itu dalam bidang pertukangan, tenunan dan seni jahitan. Sahl bin Sa'ad al-Sā'idi RA meriwayatkan:

جَاءَتْ امْرَأَةٌ بِرُدَّةٍ (قَالَ سَهْلٌ: هَلْ تَدْرِي مَا الرُّدَّةُ؟ قَالَ: نَعَمْ. هِيَ الشَّمْلَةُ، مَنْسُوجٌ فِي حَاشِيَتَيْهَا) قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي نَسَجْتُ هَذِهِ بِيَدِي أُكْسُوكَهَا فَأَخَذَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُحْتَاجًا إِلَيْهَا

“Telah datang seorang kaum hawa. (Sahl bertanya: Adakah kamu tahu apa itu al-burdah? Abū Hāzīm berkata, “Ya, ia adalah al-shamlah, iaitu tekstil yang ditenun daripada bulu di sisinya). Kaum hawa itu berkata, “Sesungguhnya saya telah menenun kain ini dengan tangan saya sendiri, untuk dikenakan kepada tuan.” Maka, Rasulullah SAW menerimanya, dalam keadaan memerlukannya”. (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 5810)

Dalam hadis telah dinyatakan bahawa kaum hawa itu menenun kain untuk dijadikan pakaian. Justeru itu, al-Bukhārī pada salah satu tempat dalam sahihnya, telah meletakkan tajuk bagi hadis ini iaitu: “*Bab yang menyebut tentang tukang tenun.*” Menurut Ibn ‘Ābidīn dalam *Radd al-Mukhtār* (1992: 3: 612) membenarkan bagi seorang bapa menyuruh anak gadisnya mempelajari seni kraf, sama ada sulaman atau jahitan. Ini supaya ia dapat menyara diri daripada hasil kerjanya, jika terdapat keperluan berbuat demikian. Sementara itu, Umm al-Mu'minīn Zainab binti Jahsh adalah seorang yang mahir dalam pertukangan tangan. Beliau menyamak dan menjahit kulit binatang, kemudian beliau sedekahkannya pada jalan Allah SWT (Ibn Sa'd, 8: 108, al-Ḥākim, 4: 25 dan al-Dhahabī, 1985, 2: 217). Dirumuskan bahawa, kaum hawa pada zaman Nubuwwah memanfaatkan bakat pertukangan untuk menjana ekonomi dan tujuan kebajikan.

Sektor Kesihatan

Umm al-Mu'minīn ‘Āishah RA dikagumi oleh para sahabat, di samping ketinggian ilmu agama, malah turut memiliki pengetahuan dalam bidang perubatan (Al-Dhahabī, 12: 182-183). Pengetahuan itu adalah hasil pembelajaran tidak langsung daripada tabib-tabib yang merawat Nabi Muhammad SAW pada akhir hayatnya. Sementara itu, kaum hawa pada zaman Nubuwwah juga turut terlibat dalam sektor kesihatan, khususnya dalam memberikan rawatan dan pertolongan cemas kepada perajurit yang tercedera, memberikan minuman kepada tentera dan menguruskan jenazah yang terbunuh. Antara kaum hawa yang banyak terlibat dalam perkhidmatan ini ialah Umm Sulaym RA dan beberapa orang kaum hawa daripada kalangan Ansar. Anas bin Mālik RA meriwayatkan:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْزُو بِأُمَّ سَلِيمٍ وَنِسْوَةٍ مِنَ الْأَنْصَارِ مَعَهُ إِذَا عَزَا فَيَسْقِيَنِ الْمَاءَ وَيُدَاوِينَ الْجُرْحَى.

“Rasulullah SAW sentiasa berperang bersama Umm Sulaym dan beberapa orang kaum hawa Ansar bersama baginda apabila berperang. Mereka memberi minum dan merawat orang yang cedera”. (Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadis: 1810; *Sunan Abū Dāwūd*, no. hadis: 2531; *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadis: 1575)

Umm al-Mu'minīn ‘Āishah RA juga turut serta menyediakan bekalan air kepada para tentera Islam semasa peperangan Uhud. Anas bin Mālik RA meriwayatkan:

وَلَقَدْ رَأَيْتُ عَائِشَةَ بِنْتَ أَبِي بَكْرٍ وَأُمَّ سَلِيمٍ وَإِهْمَا لَمُسَمِّرَتَانِ أَرَى خَدَمَ سَوْقِهَمَا تَنْفُلَانِ الْقَرْبَ عَلَى مُتَوَحِّمًا تُفَرِّغَانِي فِي أَفْوَاهِ الْقَوْمِ ثُمَّ تَرْجِعَانِ فْتَمْلَأَانِ ثُمَّ يَجِيَانِ فْتُفَرِّغَانِي فِي أَفْوَاهِ الْقَوْمِ.

“Saya melihat ‘Āishah binti Abū Bakr dan Umm Sulaym, dengan jubah mereka sangat keletihan, memakai gelang sekitar buku lali mereka telah kelihatan bergegas membawa bekas air di atas belakang mereka, dan

Analisa Tematik Berkenaan Dengan Profesion Kaum Hawa Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*

menuangkan ke mulut para tentera. dan kembali untuk mengisi kulit air lagi dan datang kembali sekali lagi untuk mencurahkan air ke dalam mulut tentera”. (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 3811; *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadis: 1811)

Selain itu, al-Rubayyi’ binti Mu’awwidh RA juga banyak terlibat dalam memberikan bantuan kecemasan semasa peperangan, sebagaimana riwayatnya:

كُنَّا نَعْرُو مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَتَسْقِي الْقَوْمَ وَتُخَدِّمُهُمْ وَتَزِدُّ الْجُرْحَى وَالْقَتْلَى إِلَى الْمَدِينَةِ.

“Kami sentiasa berperang bersama Nabi SAW. Maka kami memberi minum kepada tentera, memberikan perkhidmatan, dan membawa pulang orang yang cedera dan orang terbunuh ke Madinah”. (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 2883)

Dalam pada itu, Umm ‘Atiyyah menjelaskan bahawa kaum hawa turut menyediakan makanan kepada para tentera, semasa tempoh peperangan. Menurutnya kaum hawa tidak terlibat di medan perang:

عَزَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبْعَ عَزَوَاتٍ اخْلَفُهُمْ فِي رِحَالِهِمْ فَاصْنَعُ لَهُمُ الطَّعَامَ وَأُدَاوِي الْجُرْحَى وَأُقِوْمُ عَلَى الْمَرْضَى.

“Saya telah menyertai peperangan bersama Rasulullah SAW sebanyak tujuh peperangan. Saya berada di kem mereka, dan saya menyediakan makanan untuk mereka, saya merawat orang yang cedera dan menjaga orang yang sakit”. (*Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadis: 1812; *Sunan Ibn Mājah*, no. hadis: 2856)

Kaum hawa bukan hanya terlibat memberikan rawatan pada waktu peperangan. Rufaydah al-Anṣāriyyah pula adalah jururawat kaum hawa yang banyak memberi khidmat kesihatan di kota Madinah kepada orang yang cedera. Rufaydah RA telah merawat Sa’d bin Mu’ādh dalam khemah dalam masjid, setelah terkena anak panah musuh di lengannya. (Ibn Ḥajar, 1415 H: 8: 135). Menurut Ibn Ḥajar dalam *Fath al-Bārī*, (1379 H, 6: 80), hadis menjelaskan keharusan seorang kaum hawa untuk merawat lelaki yang bukan mahram jika keadaan mendesak. Sementara Ibn Baṭṭāl (2003: 6: 80) berpendapat kaum hawa tidak boleh menyentuh pesakit secara langsung, dan tempat luka pula bukanlah bahagian yang boleh menimbulkan rangsangan syahwat Oleh yang demikian, kaum hawa pada zaman Nubuwwah turut berkecimpung dalam sektor perubatan, khususnya kejururawatan. Maka, ikon-ikon kaum hawa tersebut telah berkerjaya dalam sektor kesihatan sebagai doktor atau jururawat.

Sektor Keselamatan dan Ketenteraan

Islam tidak mewajibkan golongan kaum hawa menyertai pasukan tentera dan terlibat dalam peperangan. Walau bagaimanapun, Nabi Muhammad SAW tidak menegah para kaum hawa untuk menyertai jihad dan mengangkat senjata. Maka, para ulama telah merumuskan syarat-syarat bagi membolehkan kaum hawa menyertai peperangan atau terlibat dengan pertahanan awam, iaitu wujud keperluan kepada golongan kaum hawa, bebas daripada timbulnya fitnah, dan jaminan keselamatan agar tidak ditawan oleh pihak musuh. Justeru, Sirah telah merakamkan peristiwa beberapa kaum hawa yang terlibat dalam beberapa siri peperangan bersama Nabi Muhammad SAW. Contohnya, Umm Sulaym yang turut membawa senjata semasa peperangan Hunayn. Anas bin Mālik RA meriwayatkan:

أَنَّ أُمَّ سُلَيْمٍ اتَّخَذَتْ يَوْمَ حُنَيْنٍ خِنْجَرَ فَكَانَ مَعَهَا فَرَأَاهَا أَبُو طَلْحَةَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذِهِ أُمُّ سُلَيْمٍ مَعَهَا خِنْجَرٌ فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا هَذَا الْخِنْجَرُ؟ قَالَتْ: اتَّخَذْتُهُ إِنْ دَنَا مِنِّي أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ بَقَرْتُ بِهِ بَطْنَهُ، فَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَضْحَكُ

“Umm Sulaym telah membawa bersamanya pisau belati semasa peperangan Hunayn, dan dia dilihat oleh Abū Ṭalḥah. Dia berkata, “Wahai Rasulullah, Umm Sulaym telah membawa pisau belati.” Maka Rasulullah SAW bertanya, “Untuk apa pisau belati ini?” Umm Sulaym berkata, “Sekiranya seseorang daripada kaum musyrikin mendekati saya, saya akan membelah perutnya.” Lalu Rasulullah SAW tertawa”. (*Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadis: 1809)

Sementara itu, saudara perempuan Umm Sulaym, iaitu Umm Harām binti Milhān turut menyertai tentera laut pada zaman Mu‘āwiyah RA (Ibn Hajar, 1415 H, 8: 375). Peperangan merentasi laut ini buat julung kali dalam sejarah Islam dan telah diberi perkhabaran oleh Nabi Muhammad SAW. Anas bin Malik RA meriwayatkan:

دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى ابْنَةِ مِلْحَانَ فَاتَّكَأَ عِنْدَهَا ثُمَّ ضَحِكَ فَقَالَتْ: لِمَ تَضْحَكُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَقَالَ: نَاسٌ مِنْ أُمَّتِي يَزْكَبُونَ الْبَحْرَ الْأَخْضَرَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ مِثْلَهُمْ مِثْلَ الْمُلُوكِ عَلَى الْأَسْرَةِ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، ادْعُ اللَّهَ أَنْ يَجْعَلَ لِي مِنْهُمْ قَائِلًا: اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا مِنْهُمْ

“Rasulullah SAW masuk ke dalam rumah puteri Milhān, dan baginda berehat di situ. Kemudian baginda tertawa. Maka dia berkata, “Mengapa Rasulullah tertawa?” Baginda bersabda, “Sekumpulan manusia daripada umatku menyeberangi Laut Hijau (Teluk Parsi) untuk berperang di jalan Allah. (Kemegahan) mereka seperti raja-raja yang berada di atas singgahsana. Maka dia berkata, “Wahai Rasulullah, doakan saya supaya termasuk daripada kalangan mereka.” Baginda berkata, “Ya Allah, jadikan kami daripada kalangan mereka.” (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 2877; Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadis: 1912)

Di samping berkhidmat sebagai jururawat, para kaum hawa juga turut mempersiapkan senjata yang akan digunakan oleh tentera, khususnya anak panah. Umm Ziyād al-Ashja‘iyyah meriwayatkan:

فَقُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ خَرَجْنَا نَعْرِزُ الشَّعْرَ وَنُعِينُ بِهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَعَنَا دَوَاءُ الْجَرْحَى وَنُنَاوِلُ السِّهَامَ وَنَسْتَقِي السَّوِيقَ

“Kami (para kaum hawa) berkata, “Wahai Rasulullah, kami keluar (berperang), telah untuk berputar rambut, yang mana kami menyediakan bantuan kepada tujuan Allah. Kami mempunyai ubat untuk orang yang terluka, anak panah kami (untuk pejuang), dan bekalan minuman yang dibuat dari gandum atau jelai”. (Sunan Abū Dāwūd, no. hadis: 2729)

Ṣafīyyah binti ‘Abd al-Muṭṭalib, ibu saudara Rasulullah SAW telah membunuh seorang Yahudi yang cuba menceroob kubu pertahanan dalam kota Madinah ketika tercetusnya perang Khandaq. Beliau turun dari kubu, lalu memukul Yahudi itu dengan sebatang kayu sehingga mati (al-Ḥākim, 4: 51 dan Ibn Hishām, 2: 228). Umm Umārah (Nusaybah binti Ka‘ab) dan Umm Ṣalt juga turut berperang dengan pedang dan memanah, di sisi Rasulullah SAW sewaktu perang Uhud (Ibn Sa‘ad, 1968: 8: 413 dan Ibn Hajar, 1415 H, 8: 442). Keberanian turut diperlihatkan oleh Umm Ḥakīm binti al-Ḥārith yang menyertai peperangan menentang Rom dan berjaya membunuh tujuh orang tentera lawan (Ibn Hajar, 1415 H, 8, 379). Malah, Ibn Kathīr dalam *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (1988, 17: 7) menyenaraikan kaum hawa-kaum hawa daripada kalangan sahabat yang menyertai peperangan Yarmuk, dan berjaya membunuh sejumlah tentera Rom. Antaranya ialah Khawlah binti al-Azwar, Khawlah binti Tha‘labah, Ku‘ūb binti Mālik, Salmā binti Hāshim, Na‘am binti Fayyād, Hind binti ‘Uybah, Laylā binti Jarīr, ‘Umayrah bin Ghifār, Sa‘īdah binti ‘Āsim dan lain-lain. Oleh itu, keberanian dalam diri kaum hawa Islam mendorong mereka berkerjaya sebagai polis dan tentera, walau dalam ruang lingkup yang terbatas

Sektor Perniagaan dan Keusahawanan

Dunia perniagaan banyak memberikan peluang untuk menjana pendapatan lumayan. Wujudnya tokoh-tokoh perniagaan berjaya pada zaman Nubuwwah menunjukkan kematangan, proaktif dan kredibiliti mereka dalam mengendalikan perniagaan. Contoh terbaik bagi ikon kaum hawa pada zaman Nubuwwah yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan adalah Khadijah binti Khuwaylid RA. Beliau adalah saudagar Quraysh yang menjalankan perniagaan di negeri Syam. Khadijah RA mengutus kafilah-kafilah atau rombongan-rombongan perdagangan yang terdiri daripada lelaki, diupah untuk menjalankan urusan perniagaannya. (Ibn Hajar, 1415 H, 8:99).

Selain itu, Qaylah Umm Banī Anmār juga turut menjalankan perniagaan pada zaman Nabi SAW. Dalam beberapa hadis, beliau pernah mengajukan soalan kepada Nabi Muhammad SAW tentang hukum-hukum perniagaan. Qaylah berkata:

أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَعْضِ عُمَرِهِ عِنْدَ الْمَرْوَةِ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي امْرَأَةٌ أُبِيعُ وَأَشْتَرِي

“Saya berjumpa Rasulullah SAW pada beberapa siri umrahnya, di bukit Marwah. Maka saya bertanya, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya seorang kaum hawa yang berurusan jual dan beli.” (Sunan Ibn Mājah, no. hadis: 431)

Perdagangan dan urusan jual beli tidak terlepas daripada berinteraksi dengan kaum lelaki. Kadangkala, urusan perdagangan menuntut seseorang kaum hawa untuk bermusafir dalam jarak yang jauh. Kekangan dan halangan itu bukanlah penghalang bagi segelintir kaum hawa pada zaman Nabi Muhammad SAW untuk **berkerjaya** sebagai usahawan, sekali gus turut memperkasa ekonomi masyarakat dan negara.

Sektor Perundingan

Penyertaan dan peranan aktif kaum hawa pada zaman Nubuwwah juga dapat ditinjau dari aspek perundingan. Buah fikiran dan budi bicara golongan ini amat diperlukan, khususnya dalam kondisi yang tidak mampu dilakukan oleh kaum lelaki. Peranan Umm Salamah RA semasa perang Hudaibiyah telah menyelesaikan krisis antara Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Baginda memerintahkan para sahabat menyembelih unta dan bercukur, sebagai *tahallul* kepada umrah yang tidak dapat diselesaikan. Namun, para sahabat tidak segera melaksanakan arahan itu kerana tidak selesa dengan isi kandungan perjanjian Hudaibiyah, menyebabkan baginda kesedihan. Umm Salamah RA mencadangkan:

يَا نَبِيَّ اللَّهِ أَتُحِبُّ ذَلِكَ، اخْرُجْ، ثُمَّ لَا تُكَلِّمَ أَحَدًا مِنْهُمْ كَلِمَةً حَتَّى تَنْحَرَ بُدْنَكَ وَتَدْعُو خَالِقَكَ فَيَحْلِقَكَ

“Wahai Nabi Allah, tuan mahu mereka mengikuti arahan? Tuan keluar dan jangan bercakap dengan sesiapa daripada kalangan mereka, sehingga tuan selesai menyembelih unta dan tuan memanggil tukang cukur, dan mencukur kepada tuan”. (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 2731)

Selain itu, Nabi Muhammad SAW turut berbincang dan bertanya pendapat kaum hawa dalam beberapa urusan berkaitan mereka. Baginda menerima saranan Khawlah binti Ḥakīm RA untuk meminang Sawdah binti Zam‘ah RA dan ‘Āishah RA (Al-Dhahabī, 1985, 2: 149). Baginda juga pernah bertanya kepada Barīrah RA tentang keperibadian ‘Āishah RA **semasa** tersebarnya fitnah yang mencemarkan maruah ‘Āishah RA. Baginda bertanya:

أَيُّ بَرِيرَةٍ، هَلْ رَأَيْتِ مِنْ شَيْءٍ يَرِيئُكَ مِنْ عَائِشَةَ؟ قَالَتْ لَهْ بَرِيرَةٌ: وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ إِنْ رَأَيْتِ عَلَيْهَا امْرَأَةً قَطُّ اغْمِصُهُ عَلَيْهَا أَكْثَرَ مِنْ أُمَّهَا جَارِيَةً حَدِيثُهُ السِّرِّ تَنَامُ عَنْ عَجَبِينَ أَهْلِهَا، فَتَأْتِي الدَّاجِرُ فَتَأْكُلُهُ

“Wahai Barīrah, adakah kamu pernah melihat perkara yang mencurigakan pada ‘Āishah? Barīrah berkata, “Demi Dia (Allah) yang mengutus tuan dengan kebenaran! Tiada apa yang boleh saya mencelanya, melebihi dia seorang gadis yang masih muda, tertidur semasa menguli tepung, lalu ayam datang dan memakannya.” (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 4141; Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadis: 2770)

Dalam peristiwa yang lain, Nabi Muhammad SAW turut menerima jaminan keselamatan yang dikemukakan oleh Umm Hānī’ binti Abī Ṭālib terhadap beberapa orang musyrik. Baginda bersabda:

قَدْ اجْرْنَا مِنْ اجْرَتِ يَا أُمَّ هَانِيٍّ

“Sesungguhnya kami telah memberi perlindungan kepada individu yang telah kamu beri jaminan perlindungan wahai Umm Hānī’” (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 357; Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadis: 336; Sunan Abū Dāwūd, no. hadis: 2763; Sunan al-Tirmidhī, no. hadis: 1579)

Golongan kaum hawa turut diperintahkan untuk menegakkan amar makruf dan nahi mungkar. Justeru, kaum hawa pada zaman Nubuwwah telah melaksanakan tuntutan itu, tertakluk kepada kebolehan dan kemampuan mereka. Misalnya, seorang kaum hawa menegur tindakan seorang imam kanak-kanak yang terlondoh pakaiannya, sehingga menampakkan auratnya. Dia berkata:

أَلَا تُعْطَوْنَ عَنَّا إِسْتِ قَارِئِكُمْ

“Bolehkan kalian semua menutup aurat imam kalian?” (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 4302)

Dalam pada itu, Umm Ḥakīm binti al-Ḥārith memeluk Islam pada hari Pembukaan Kota Makkah, namun suaminya, ‘Ikrimah bin Abī Jahl telah lari ke Yaman dan enggan memeluk Islam. Umm Ḥakīm meminta izin daripada Nabi Muhammad SAW untuk mencari dan memujuk suaminya serta memberi pengamanan. Lalu, suaminya kembali ke Makkah dan memeluk Islam (Al-Dhahabī, 2003, 1: 379 dan Ibn Ḥajar, 1415 H, 8: 380). Justeru, golongan kaum hawa turut memiliki peluang yang saksama dalam memberikan pandangan dan berunding. Maka, dengan kredibiliti ketajaman pemikiran kaum hawa turut mampu berkerjaya sebagai pakar perundingan, khidmat nasihat, juru motivasi, dan seumpamanya.

Daripada perbincangan pada bahagian ini, dirumuskan bahawa golongan kaum hawa pada zaman Nubuwwah telah melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan dan kenegaraan, malah sebahagian mereka telah memberikan sumbangan besar dalam kerjaya yang diceburi. Namun demikian, setinggi mana pangkat dan kedudukan mereka di mata masyarakat sekalipun, kaum hawa tidak dapat lari daripada tugas asal mereka sebagai kaum hawa Islam, terutama bagi kaum hawa yang telah berumah tangga dan beranak pinak. Mereka adalah hamba Allah, isteri, ibu dan pekerja. (Ali, F., 1996: 166).

Analisis Taburan Hadis Tentang Profesion Kaum Hawa Dalam *al-Kutub al-Sittah*

Berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan, terdapat 22 hadis dalam *al-Kutub al-Sittah* yang menjelaskan tentang penglibatan kaum hawa pada zaman Nubuwwah dalam dunia sektor pekerjaan. Daripada jumlah itu, kuantiti hadis yang menjadi asas kepada setiap sektor penglibatan ikon kaum hawa pada zaman Nubuwwah adalah berbeza-beza, seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut:

No.	Jenis Kerjaya	Bil. Hadis
1	Pengurusan Rumah Tangga	3
2	Pendidikan	3
3	Asas Tani dan Penternakan	3
4	Pemprosesan dan Pertukangan	1
5	Kesihatan	4
6	Keselamatan dan Ketenteraan	3
7	Perniagaan dan Keusahawanan	1
8	Perundingan	4
Jumlah Keseluruhan		22

Jadual 1: Kuantiti Hadis Bagi Setiap Kerjaya

Setelah dianalisis, 22 hadis itu telah diulang periwayatannya oleh para penulis *al-Kutub al-Sittah*, berdasarkan keperluan dan tajuk yang dibincangkan. Perlu dijelaskan bahawa satu teks hadis yang sama, walaupun diulang periwayatannya dalam satu atau dalam kitab yang lain, ia masih dianggap hanya satu teks hadis, selagi mana perawi *ṣaḥābī*-nya adalah sama. Dalam erti kata lain, jika kandungan teks hadis adalah sama, sementara perawi *ṣaḥābī*-nya adalah berbeza, maka ia dianggap hadis yang berlainan. Keadaan ini disebut sebagai *ṣaḥābī* dalam *Muṣṭalah al-Ḥadīth* (al-‘Irāqī, 1969; al-Ṣan‘ānī, 1997). Makalah ini telah membuat analisis lebih mendalam bagi meninjau pengulangan setiap hadis dalam *al-Kutub al-Sittah*. Jadual-jadual di bawah menunjukkan *atrāf* (pangkal) hadis-hadis berserta pengulangannya dalam *al-Kutub al-Sittah*, yang menjelaskan tentang kaum hawa-kaum hawa yang berkerjaya pada zaman Nabi Muhammad SAW. ia disusuli dengan nama judul dan tajuk kepada hadis-hadis tersebut.

[Panduan ringkasan: B: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, M: *Ṣaḥīḥ Muslim*, AD: *Sunan Abū Dāwud*, T: *Jāmi’ al-Tirmidhī*, N: *Sunan al-Nasa’ī* dan IM: *Sunan Ibn Mājah*]

Analisa Tematik Berkenaan Dengan Profesion Kaum Hawa Dalam *Al-Kutub al-Sittah*

No.	Teks Hadis	Pengulangan Hadis Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah	Status
		B	M	AD	T	N	IM		
1	“Dia (<i>Fāṭimah</i>) adalah puteri Rasulullah SAW, dia adalah ahli keluarga yang paling mulia di sisi baginda...”	5	3	4	2			14	S
2	“Saya melepaskan kudanya (untuk meragut), menyediakan makanan kepadanya, menjaganya, mengisar biji-biji kurma untuk untanya, dan melepaskannya untuk meragut...”	1	1					2	S
3	“Dan kaum hawa adalah pengurus terhadap isi ahli keluarga suaminya dan anak-anaknya, dan dia dipertanggungjawabkan terhadap mereka”	3	2	2	2			9	S

Jadual 2: Hadis Tentang Pengurusan Rumah Tangga

Jadual 2 menunjukkan senarai hadis yang menjadi asas perbincangan tentang tokoh-tokoh kaum hawa pada zaman Nubuwwah yang melaksanakan tugas mengurus rumah tangga. Terdapat tiga teks hadis yang paling hampir dengan tajuk, diulang dalam pelbagai judul, dan kesemuanya dinilai sebagai sahih dan *muttafaq ‘alayh*, iaitu diriwayatkan bersama oleh al-Bukhārī dan Muslim. Sebahagiannya diriwayatkan juga oleh Abū Dāwud dan al-Tirmidhī.

[Panduan ringkasan: B: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, M: *Ṣaḥīḥ Muslim*, AD: *Sunan Abū Dāwud*, T: *Jāmi’ al-Tirmidhī*, N: *Sunan al-Nasa’ī* dan IM: *Sunan Ibn Mājah*]

No.	Teks Hadis	Pengulangan Hadis Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah	Status
		B	M	AD	T	N	IM		
1	“Tidak pernah kami iaitu para sahabat Rasulullah SAW tentang suatu hadis, lalu kami bertanya ‘Aishah...”				1			1	S
2	“Bolehkah kamu mengajarkan kepadanya ruqyah_(jampi) bagi penyakit eczema, sebagaimana kamu mengajarkannya menulis”			1				1	S
3	“Dan beliau (<i>Umm Waraqah</i>) mahir membaca <i>al-Quran</i> . Maka beliau meminta izin daripada Nabi SAW untuk melantik seorang muazin di rumahnya”			1				1	S

Jadual 3: Hadis Tentang Penglibatan Kaum hawa Dalam Sektor Pendidikan

Jadual 3 pula mencatatkan taburan tiga hadis yang dinyatakan dalam perbincangan tentang peranan kaum hawa pada zaman Nabi Muhammad SAW dalam bidang pendidikan. Setiap hadis yang diriwayatkan dalam satu kitab, iaitu hadis pertama hanya dalam *Jāmi’ al-Tirmidhī*, sementara hadis kedua dan ketiga hanya terdapat dalam *Sunan Abū Dāwud*. Semua hadis itu dinilai sebagai sahih oleh ahli hadis, dan tiada pengulangan riwayat padanya.

[Panduan ringkasan: B: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, M: *Ṣaḥīḥ Muslim*, AD: *Sunan Abū Dāwud*, T: *Jāmi’ al-Tirmidhī*, N: *Sunan al-Nasa’ī* dan IM: *Sunan Ibn Mājah*]

No.	Teks Hadis	Taburan Hadis Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah	Status
		B	M	AD	T	N	IM		
1	“Keluarlah (dari rumah). Dan tuilah pohon kurma milikmu. Barangkali kamu boleh bersedekah atau melakukan kebajikan.”		1	1		1	1	4	S
2	“Sesungguhnya seorang kaum hawa telah menyembelih seekor kambing dengan menggunakan batu. Maka Nabi SAW ditanya tentang hal itu. Lalu baginda mengizinkannya untuk dimakan”.	3					1	4	S

3	“Nabi SAW menziarahi seorang kaum hawa Ansar. Dia menghamparkan tikar daripada daun kurma, dan dia menyembelih seekor kambing, Maka Rasulullah SAW menikmatinya”			1				1	H
---	--	--	--	---	--	--	--	---	---

Jadual 4: Hadis Tentang Penglibatan Kaum hawa Dalam Sektor Asas Tani dan Penternakan

Dalam pada itu, jadual 4 menunjukkan taburan bagi tiga hadis berkaitan kaum hawa yang menceburi bidang asas tani dan penternakan haiwan dalam Sirah Nabawi. Ketiga-tiga hadis bertaburan dalam semua *al-Kutub al-Sittah* dan diriwayatkan hanya sekali tanpa pengulangan, melainkan hadis kedua diulang tiga kali oleh al-Bukhārī. Semua hadis bertaraf sahih, melainkan hadis ketiga dinilai sebagai *hasan*.

[Panduan ringkasan: B: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, M: *Ṣaḥīḥ Muslim*, AD: *Sunan Abū Dāwud*, T: *Jāmi’ al-Tirmidhī*, N: *Sunan al-Nasa’ī* dan IM: *Sunan Ibn Mājah*]

No.	Teks Hadis	Taburan Hadis Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah	Status
		B	M	AD	T	N	IM		
1	“Sesungguhnya saya telah menenun kain ini dengan tangan saya sendiri, untuk dikenakan kepada tuan.”	4						4	S

Jadual 5: Hadis Tentang Penglibatan Kaum hawa Dalam Sektor Pemprosesan dan Pertukangan

Terdapat hanya satu hadis yang menjelaskan tentang penglibatan para sahabat Nabi Muhammad SAW daripada kalangan kaum hawa yang menceburi bidang pemprosesan dan pertukangan, khususnya aktiviti menenun dan menjahit. Jadual 5 menunjukkan bahawa hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī pada empat tempat dalam sahihnya, dan Ibn Mājah, Status hadis ini adalah sahih.

[Panduan ringkasan: B: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, M: *Ṣaḥīḥ Muslim*, AD: *Sunan Abū Dāwud*, T: *Jāmi’ al-Tirmidhī*, N: *Sunan al-Nasa’ī* dan IM: *Sunan Ibn Mājah*]

No.	Teks Hadis	Taburan Hadis Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah	Status
		B	M	AD	T	N	IM		
1	“Rasulullah SAW sentiasa berperang bersama Umm Sulaym dan beberapa orang kaum hawa Ansar bersama baginda apabila berperang. Mereka memberi minum dan merawat orang yang cedera”.		1	1	1			3	S
2	“Saya melihat ‘Aishah binti Abū Bakr dan Umm Sulaym, dengan jubah mereka sangat keletihan, memakai gelang sekitar buku lali mereka telah kelihatan bergegas membawa bekas air di atas belakang mereka, dan menuangkan ke mulut para tentera. dan kembali untuk mengisi kulit air lagi dan datang kembali sekali lagi untuk mencurahkan air ke dalam mulut tentera”.	1	1					2	S
3	“Kami sentiasa berperang bersama Nabi SAW. Maka kami memberi minum kepada tentera, memberikan perkhidmatan, dan membawa pulang orang yang cedera dan orang terbunuh ke Madinah”.	2						2	S
4	“Saya telah menyertai peperangan bersama Rasulullah SAW sebanyak tujuh peperangan. Saya berada di kem mereka, dan saya menyediakan makanan untuk mereka, saya merawat orang yang cedera dan menjaga orang yang sakit”.		1				1	2	S

Jadual 6: Hadis Tentang Penglibatan Kaum hawa Dalam Sektor Kesihatan

Sementara itu, Jadual 6 mencatatkan hadis-hadis tentang generasi kaum hawa Islam yang berperanan dalam bidang kesihatan, khususnya berkaitan kejururawatan dan pertolongan cemas semasa peperangan. Tujuh hadis

Analisa Tematik Berkenaan Dengan Profesion Kaum Hawa Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*

yang dinyatakan adalah sahih, dua daripadanya adalah *muttafaq 'alayh*, dan hanya hadis kelima adalah *ḍā'if* atau lemah.

[Panduan ringkasan: B: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, M: *Ṣaḥīḥ Muslim*, AD: *Sunan Abū Dāwud*, T: *Jāmi' al-Tirmidhī*, N: *Sunan al-Nasa'ī* dan IM: *Sunan Ibn Mājah*]

No.	Teks Hadis	Taburan Hadis Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah	Status
		B	M	AD	T	N	IM		
1	"Umm Sulaym telah membawa bersamanya pisau belati semasa peperangan Hunayn..."		1					1	S
2	"Rasulullah SAW masuk ke dalam rumah puteri Milhān, dan baginda berehat di situ..."	2	1					3	S
3	"Kami (para kaum hawa) berkata, "Wahai Rasulullah, kami keluar (berperang), telah untuk berputar rambut, yang mana kami menyediakan bantuan kepada tujuan Allah. Kami mempunyai ubat untuk orang yang terluka, anak panah kami (untuk pejuang), dan bekalan minuman yang dibuat dari gandum atau jelai".			1				1	D

Jadual 7: Hadis Tentang Penglibatan Kaum hawa Dalam Sektor Keselamatan dan Ketenteraan

Hadis yang menjelaskan penceburan kaum hawa generasi awal Islam dalam sektor keselamatan dan ketenteraan dapat ditinjau daripada dua teks hadis, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Kedua-dua hadis hanya diriwayatkan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* atau *Ṣaḥīḥ Muslim*, dan tiada dalam *al-Kutub al-Sittah* yang lain. Justeru, hadis-hadis itu adalah bertaraf sahih.


[Panduan ringkasan: B: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, M: *Ṣaḥīḥ Muslim*, AD: *Sunan Abū Dāwud*, T: *Jāmi' al-Tirmidhī*, N: *Sunan al-Nasa'ī* dan IM: *Sunan Ibn Mājah*]

No.	Teks Hadis	Taburan Hadis Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah	Status
		B	M	AD	T	N	IM		
1	"Wahai Nabi Allah, tuan mahu mereka mengikuti arahan? Tuan keluar dan jangan bercakap dengan sesiapa daripada kalangan mereka, sehingga tuan selesai menyembelih unta dan tuan memanggil tukang cukur, dan mencukur kepada tuan".	13		4		2		19	S
2	"Wahai Barīrah, adakah kamu pernah melihat perkara yang mencurigakan pada 'Āishah?"	16	1	3	1			21	S
3	"Sesungguhnya kami telah memberi perlindungan kepada individu yang telah kamu beri jaminan perlindungan wahai Umm Hāni'"	4	2		2		1	9	S
4	"Bolehkan kalian semua menutup aurat imam kalian?"	1						1	S

Jadual 8: Hadis Tentang Penglibatan Kaum hawa Dalam Sektor Perundingan


Jadual 8 menyenaraikan hadis berkaitan kisah rundingan kaum hawa bersama Nabi Muhammad SAW dan taburannya dalam *al-Kutub al-Sittah*. Semua hadis adalah sahih dan dua daripadanya diriwayatkan secara bersama oleh al-Bukhārī dan Muslim, atau dikenali sebagai *muttafaq 'alayh*. Terdapat pengulangan riwayat yang ketara pada hadis pertama dan kedua dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ini kerana metode al-Bukhārī adalah mencerakinkan hadis yang panjang kepada petikan-petikan ringkas, yang sesuai dengan judul dan bab.

Penulis merumuskan bahawa 22 teks hadis yang dipetik daripada *al-Kutub al-Sittah* bagi menyokong perbincangan dalam makalah ini, adalah berbeza-beza kuantitinya. Jumlah petikan paling tinggi adalah daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (13 hadis), diikuti oleh *Ṣaḥīḥ Muslim* (13 hadis), *Sunan Abū Dāwud* (10 hadis), *Jāmi' al-Tirmidhī* (6 hadis), *Sunan Ibn Mājah* (4 hadis) dan *Sunan al-Nasa'ī* (2 hadis).



Rajah 1: Jumlah Petikan Hadis Daripada *al-Kutub al-Sittah* [Tanpa Pengulangan],

Sementara itu, statistik berdasarkan jumlah pengulangan juga didahului oleh Ṣāḥīḥ al-Bukhārī (57), diikuti Sunan Abū Dāwud (18), Ṣāḥīḥ Muslim (17), Jāmi' al-Tirmidhī (10), Sunan Ibn Mājah (5) dan Sunan al-Nasā'ī (3). Statistik ini dapat dirumuskan dalam dua rajah di bawah:



Rajah 2: Jumlah Petikan Hadis Daripada *al-Kutub al-Sittah* [Pengulangan]

Hasil analisis turut mendapati bahawa sebahagian besar hadis yang berkaitan dengan topik perbincangan adalah berstatus sahih dengan jumlahnya 22 hadis, diikuti dengan satu hadis bertaraf *ḥasan* dan satu hadis bertaraf lemah. Demikian merupakan hasil dan dapatan daripada analisis hadis-hadis yang bersumberkan *al-Kutub al-Sittah*.

4.0 Kesimpulan

Makalah ini menyimpulkan bahawa peranan dan sumbangan ikon kaum hawa yang berkerjaya pada zaman Nubuwwah telah dicatatkan dalam hadis-hadis, khususnya yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah*. Secara tidak langsung, kitab hadis telah berfungsi sebagai kitab sejarah bagi umat Islam. Makalah ini juga telah mendedahkan kepada umum betapa proaktif para kaum hawa pada zaman awal kedatangan Islam dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Islam telah merubah dan mengangkat kedudukan kaum hawa yang dianggap pasif dan tidak berperanan kepada perkembangan intelektual, ekonomi, sosial dan sebagainya. Lebih-lebih lagi, suasana itu membuktikan ketokohan Nabi Muhammad SAW yang berjaya membentuk penstrukturan generasi unggul dan kesaksamaan nilai dan hasil antara gender. Oleh yang demikian, Muslimah pada zaman moden perlu lebih berani untuk berkerjaya, meningkatkan potensi diri selagi ia tidak bercanggah dengan lunas-lunas syariat Islam dan sesuai dengan konteks semasa. Diskriminasi yang berlandaskan perbezaan jantina bukan sahaja

membendung hak dan peranan kaum hawa malah ia juga boleh mencemarkan kewibawaan agama Islam yang amat prihatin terhadap keseimbangan hak dan ganjaran.

Penghargaan

Kajian mengenai profesion kaum hawa pada era Rasulullah SAW merupakan sebahagian daripada hasil kajian di bawah Geran Penyelidikan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) bertajuk Analisis Hadis-Hadis Pemerksaan Wanita Menurut Perspektif al-Hadis dan Konteks Semasa (KIAS/40106/KRG20/004)

Rujukan

- A1-Dīn, Abd al-Rabb. (1986). *‘Amal al-Mar’ah wa Mawqif al-Islām Minh*. Mansūrah, Matabi al-Wafa.
- A1-Za‘balāwī, Muḥammad al-Sayyed Muḥammad. (1984). *Al-Umumah fī al-Qur’ān al-Karīm wa al-Sunnah*. Beirut, Mua’sasah al-Risālah.
- Abdul Jalil, S., Md Yusoff, Y., & Ismail, R. (2016). Peranan Program Keagamaan Terhadap Pemulihan Konsep Kendiri Banduan Kaum hawa di Malaysia. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18(2), 193-228.
- Abdul Karim, M. H., & Abdul Manas, S. (2017). Al-Takāful Al-Ijtimā’ī Secara Etimologi dan Terminologi Menurut Konteks Bahasa Al-Quran dan Hadis. *HADIS*, 7(13), 12-32.
- Abū Dāwud Sulaymān bin al-Ash‘ath. (2009). *Sunan Abū Dāwud* ed. Shu‘ayb al-Arnā’ūt & Muḥammad Kāmil Qurrah. Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.
- Al-Barr, Muḥammad ‘Alī. (1984). *‘Amal al-Mar’ah fī al-Mīzan*. Arab Saudi, Dār al-Sa‘ūdiyyah.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘il. (1422). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ed. Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir. t.tp: Dār Ṭawq al-Najāh.
- Ali, F. (1996). Pandangan Islam Terhadap Kaum hawa Bekerja. *Jurnal Usuluddin*, 3, 157-190.
- Al-‘Irāqī, ‘Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn. (1969). *al-Taqyīd wa al-‘Idāh Sharḥ Muqaddimah Ibn a;-Ṣalāh. Madīnah, Maktabah al-Salafīyyah.*
- Al-Nasā’ī, Aḥmad bin Shu‘ayb. (1986). *Al-Sunan al-Sughrā* ed. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Ḥalab, Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islamiah.
- Al-Ṣān’ānī, Muḥammad bin Ismā‘il. (1997). *Tawḍīḥ al-Afkār li Ma’ānī Tanqīḥ al-Anzār*. Beirut, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā. (1998). *Sunan ‘ al-Tirmidhī* ed. Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiyy.
- Al-Zarkashī, Badr al-Dīn. (1970). *Al-Ijābah li Irād ma Istadrakth ‘Āishah ‘alā al-Ṣaḥābah*. Beirut, al-Maktab al-Islamī.
- Ambarwati, A. (2009). Tenaga Kerja Kaum hawa dalam Perspektif Islam. *Jurnal Muwazah*, 1(1), 101.
- Bakar, N. R. A. (2012). Kaum hawa bekerja dan pengurusan keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 155-162.
- Beckert, Sven (2014). *Empire of Cotton: A Global History*. US: Vintage Books Division Penguin Random House. ISBN 978-0-375-71396-5.
- Browne, S. (2016). Violence against women. In *The women’s liberation movement in Scotland*. Manchester University Press.
- Ghani, Z. A. (2006). Kerjaya Kaum hawa Islam Dalam Bidang Penyiaran: Cabaran dan Prospek. *Jurnal Usuluddin*, 23, 185-198.
- Goldberg, M. P. (1970). The economic exploitation of women. *Review of Radical Political Economics*, 2(1), 35-47.
- Haji Hassan, A. (1996). Islam dan Kaum hawa. *Jurnal Usuluddin*, 4, 105-116.
- Hobsbawm, Eric J. (1969). *Industry and Empire: From 1750 to the Present Day*. 3. Harmondsworth, England: Penguin. p. 65
- Horrell, S., & Humphries, J. (1995). " The Exploitation of Little Children": Child Labor and the Family Economy in the Industrial Revolution. *Explorations in Economic History*, 32(4), 485-516.
- Horrell, S., & Humphries, J. (1995). Women's Labour Force Participation And The Transition To The Male-Breadwinner Family, 1790-1865. *Economic History Review*, 89-117.
- Ibn al-Jawzī, Abd al-Raḥmān. (1999). *Al-Mujtabā min al-Mujtanā*. Kaherah, Dār al-Āfāq al-‘Arabiyyah.

- Ibn Mājah, Muhammad bin Yazīd. (2009). *Sunan Ibn Mājah* ed. Shu'ayb al-Arna'ūṭ et. a. Beirut: Dār al-Risālah al-'Alamiyyah.
- Ibn Sa'ad, Muḥammad .(1990). *Al-Ṭabaqāt al-Kubrā* ed. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Aṭā'. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibrāhīm Jār Allāh, 'Abd Allāh. (1990). Kewajipan Wantia Islam, terj. Drs. Azmi Hj. Idris, Pustaka Aman Press.
- Kamarudin, K. (2011). Nilai Tarbiah Dan Islah Kaum hawa Melayu Islam Pascamerdeka: Satu Analisis Terhadap Novel Tunggu Teduh Dulu Dan Surat-Surat Perempuan Johor. *Jurnal Pengajian Melayu*, 22(1), 164-184.
- Leboutte, R. (2006). Saving male time, exploiting female labour: The woman as the "driving force" in premodern society, 1700–1914. *The History of the Family*, 11(3), 145-150.
- Md Shah, J. (2004). Survival Ekonomi Kaum hawa Dalam Komuniti Setinggalan. *Jati - Journal Of Southeast Asian Studies*, 9, 111-123.
- Muslim bin al-Ḥajjāj. (t.t). *Ṣaḥīḥ Muslim* ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-'Arabiy.
- Nicholas, S., & Oxley, D. (1993). The Living Standards Of Women During The Industrial Revolution, 1795-1820. *Economic History Review*, 723-749.
- Nilakusmawati, D. P. E., & Susilawati, M. (2012). Studi faktor-faktor yang mempengaruhi wanita bekerja di kota Denpasar. *Jurnal Kependudukan dan Pengembangan Sumber Daya Manusia*, 8(1), 26-31.
- R.M. Hartwell. (1971), *The Industrial Revolution and Economic Growth*, Methuen and Co., 1971, pp. 339–41
- Rachmat, S. (2017). Beberapa Perlindungan Hukum Khusus bagi Buruh Kaum hawa. *Jurnal Hukum & Pembangunan*, 18(4), 326-336.
- Rahman, Z. A., Noor, A. M., Nor, M., & Roslan, M. (2016). Hak Asasi Manusia Dan Penglibatan Kaum hawa Dalam Politik Di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 11(1).
- Saari, C., & Borhan, J. (2006). Peranan Kaum hawa dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam. *Jurnal Usuluddin*, 23, 35-50.
- Salim, M. I. (1990). *Nisā' Ḥawl al-Rasūl*. Kaherah: Maktabat Ibn Sinā'.
- Siti Nur Husna Abd Rahman, M. I. (2017). Peranan Kaum hawa Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. e-Bangi, Vol. 12, No. 3, 1.
- Susanti, S. (2013). Peran Pekerjaan, Peran Keluarga Dan Konflik Pekerjaan Pada Perawat Kaum hawa. *Persona: Jurnal Psikologi Indonesia*, 2(2).
- 'Syalabi, Ahmad (Prof. Dr), *Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam*, Singapura,
- Ziriklī, H. (2002). *Al-'Alam*. Bairūt: Dār al-'Ilm li-'l-Malāyīn.